

Cecair vape tanpa nikotin tetap haram

» *Tabiat negatif lebih kepada kesan perbuatan menyerupai budaya bukan Islam*

Oleh **Mohd Hamizar Hamid dan Muhammad Yusri Muzamir**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Cecair vape tanpa nikotin tetap haram kerana hukum bagi tabiat menghisap rokok elektronik itu bukan hanya mengambil kira kandungan perisa, sebaliknya lebih kepada kesannya terhadap sikap serta 'tasyabbuh', iaitu perbuatan yang menyerupai budaya bukan Islam.

Sehubungan itu, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, ketika menjawab soalan mengenai isu terbabit menerusi Facebooknya semalam, berkata tabiat negatif berkenaan wajar ditinggalkan bagi mencegah sesuatu yang negatif berdasarkan kaedah 'saddu al-dzariah'.

"Pengharaman hisap vape bukan semata-mata kerana nikotin, tetapi kerana kesan terhadap 'attitude' atau sikap, tasyabbuh atau peniruan dengan budaya bukan Islam (yang bertentangan dengan



BH
5/12/2015
m/s 18

Keratan
akhbar
BH 28
November
2015.

adab dan syarak). Justeru, perbuatan itu (wajar) ditinggalkan berdasarkan kaedah 'saddu al-dzariah,'" katanya.

Isu berhubung hukum menghisap vape terus dipersoalkan dengan pertanyaan berkaitan kandungan cecair perisanya walaupun perbuatan itu sudah difatwakan sebagai haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sebelum ini, mengguna pakai hukum menghisap shisha yang juga sudah diputuskan haram.

Di **Georgetown**, Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, semalam mengumumkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan hukum menghi-

sap rokok elektronik atau vape serta 'shisha stick' difatwakan haram.

Akibatkan kemudaran

"Pengharamannya mengikut keputusan disepakati Panel Pakar Syariah (PPS) kerana alat terbabit mampu menyebabkan kemudaran dan pembaziran kepada masyarakat Islam. Kita sudah bincangkan ini dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada Rabu dan Khamis lalu.

"Keputusan (fatwa pengharaman) disepakati sebulat suara. Ia perkara yang memudaratkan (kesihatan) dan tidak digalakkan penggunaannya," katanya



“Pengharaman hisap vape bukan semata-mata kerana nikotin, tetapi kerana kesan terhadap 'attitude' atau sikap, tasyabbuh atau peniruan dengan budaya bukan Islam (yang bertentangan dengan adab dan syarak)”

Zulkifli Mohamad al-Bakri,
Mufti Wilayah Persekutuan

ketika dihubungi BH, semalam.

Wan Salim berkata, pengharaman itu akan diwartakan dalam undang-undang syariah di negeri ini jika fatwa itu dibangkitkan pada Muazakarrah Majlis Fatwa Kebangsaan kerana prosedur pewartaan hukum membolehkan pelbagai proses, agak sukar dan memerlukan masa agak lama.

"Ini kerana hal ehwal Islam di negeri ini adalah di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong. Buat masa ini, kami akan menasihatkan pengguna dan tiada tindakan dapat diambil kerana bidang penguatkuasaan tertakluk kepada agensi lain," katanya.